

31 JAN 2001

KSN-Serah

HALIM SERAH TUGAS KSN KEPADA SAMSUDIN

PUTRAJAYA, 31 Jan (Bernama) -- Tan Sri Abdul Halim Ali hari ini menyerahkan tugasnya sebagai Ketua Setiausaha Negara kepada Tan Sri Samsudin Osman yang akan mengambil alih jawatan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan upacara penyerahan tugas itu yang berlangsung di pejabatnya di sini.

Samsudin yang sebelum ini Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), menggantikan Abdul Halim berkuatkuasa esok.

Ketika ditemui pemberita selepas upacara itu, Samsudin berkata beliau bersyukur kepada Tuhan atas kurniaan tugas itu.

"Walaupun demikian, saya sedar ini satu tanggungjawab yang amat berat," katanya.

Beliau berkata pengalamannya di JPA akan banyak membantu beliau dalam menjalankan tugas barunya sebagai KSN.

"Apa yang hendak saya buat sekarang ialah membaca nota serah tugas dan memahami apa sebenarnya tugas dan tanggungjawab sebagai KSN," kata Samsudin yang telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah JPA sejak 15 Dis 1998.

Beliau akan berpindah ke pejabat baru di sini pada Jumaat ini.

Samsudin, 54, berkelulusan ijazah sarjana muda dengan kepujian dari Universiti Malaya dan sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State, Amerika Syarikat.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri akan menggantikan Samsuddin sebagai Ketua Pengarah JPA berkuatkuasa esok.

-- BERNAMA

RIZ AZZ NMO